

Hubungan Muslim-Kristian di Sandakan dan Ranau, Sabah

BITARA

Volume 8, Issue 3, 2025: 130-145
© The Author(s) 2025
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 6 Jun 2025
Accepted: 26 July 2025
Published: 27 August 2025

[Muslim-Christian Relations in Sandakan and Ranau, Sabah]

Hairulnizal Hairuddin & Jaffary Awang¹

1 Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA. E-mail: jaffary@ukm.edu.my

*Corresponding Author: jaffary@ukm.edu.my

Abstrak

Artikel ini membincangkan mengenai hubungan Muslim-Kristian di Sandakan dan Ranau Sabah berdasarkan kepada kefahaman agama, interaksi sosial dan kesepaduan sosial. Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran umum hubungan masyarakat Muslim-Kristian yang melibatkan kawasan bandar (Sandakan) serta kawasan luar bandar (Ranau). Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik yang melibatkan 500 orang responden yang terdiri daripada masyarakat Muslim-Kristian di Sandakan dan Ranau, Sabah. Data kajian ini dianalisis menggunakan perisian SPSS melalui pendekatan deskriptif dan Korelasi Spearman Who. Antara tema interaksi sosial yang difokuskan ialah tema pemakanan, aktiviti kemasyarakatan, sambutan perayaan, ziarah menziarahi dan perkahwinan. Manakala kesepaduan sosial pula mengandungi lima elemen utama iaitu perasaan kekitaan, penyertaan, keterangkuman, pengiktirafan dan legitimasi. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa pengetahuan agama hanya mempengaruhi sedikit sahaja terhadap interaksi dan hubungan baik masyarakat Muslim-Kristian. Hubungan baik yang berlaku dalam kalangan masyarakat Muslim-Kristian di Sabah disebabkan interaksi seharian dan keinginan hidup aman dan damai bersama.

Kata kunci: hubungan Muslim-Kristian, pengetahuan agama, interaksi sosial, kesepaduan sosial, Sandakan, Ranau.

Abstract

This article examines Muslim-Christian relations in Sandakan and Ranau, Sabah, focusing on religious understanding, social interaction, and social cohesion. The study employs a questionnaire as its primary instrument, involving 500 respondents from Muslim and Christian communities in Sandakan and Ranau, Sabah. The data were analyzed using SPSS software through descriptive and Spearman Who Correlation approaches. The social interaction themes explored include food practices, community activities, celebration of festivities, mutual visits, and interfaith marriages. Meanwhile, social cohesion is analyzed based on five main elements: a sense of belonging, participation, inclusivity, recognition, and legitimacy. The study aims to provide an overview of Muslim-Christian relations in both urban (Sandakan) and rural (Ranau) settings. The findings reveal that religious knowledge has minimal influence on the interaction and positive relations between Muslim and Christian communities. Instead, social cohesion among individuals of different faiths in Sabah is driven by daily interactions and the shared desire to live peacefully and harmoniously.

Keywords: Muslim-Christian relations, religious knowledge, social interaction, social cohesion, Sandakan, Ranau.



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

Cite This Article:

Hairulnizal Hairuddin & Jaffary Awang. (2025). Hubungan Muslim-Kristian di Sandakan dan Ranau, Sabah [Muslim-Christian Relations in Sandakan and Ranau, Sabah]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(3): 130-145.

Pengenalan

Berdasarkan kepada Perkara 11 dalam perlembagaan Malaysia yang menyatakan secara jelas bahawa “Tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan, tertakluk kepada Fasal (4), mengembangkannya” (Perlembagaan Persekutuan:2006:9). Pernyataan ini menunjukkan bahawa semua agama di Malaysia bebas dalam mengamalkan ajaran agama mereka. Ini selari dengan kenyataan al-Quran dalam surah al-Kafirun ayat 6 yang mengiktiraf akan kewujudan agama lain iaitu “Untukmu agamamu dan untukku agama aku”. Perkara ini merupakan salah satu dasar kepada pembentukan Malaysia agar menerima masyarakat yang mempunyai latar belakang agama, etnik, dan budaya yang berbeza.

Penganut agama Islam dan Kristian merupakan komposisi penganut agama yang paling ramai dianuti oleh masyarakat Sabah iaitu Muslim sebanyak 69.6% dan Kristian sebanyak 24.7% (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023). Dalam konteks di Sabah, peranan Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) sebagai satu badan dakwah Islam yang ditubuhkan pada tahun 1969 oleh Tun Datu Mustapha telah menambah bilangan masyarakat Muslim. Gerakan Islamisasi yang dilakukan oleh USIA telah meningkatkan jumlah penganut agama Islam di Sabah sekitar 50,000 sehingga 75,000 orang (Nur Hidayat et. al, 2021). Sementara peningkatan jumlah bilangan masyarakat Kristian di Sabah adalah hasil gerakan Kristianisasi oleh mubaligh Kristian seperti Pendekatan Misi Kristian, Pendekatan Melalui Pendidikan Rasmi, Pendekatan Teologi, Seminar Teologi Kristian dan lain-lain (Mat Zin Mat Kib, 2003).

Berdasarkan kepada gerakan Islamisasi dan Kristianisasi di atas, maka berlakunya persaingan antara pendakwah Muslim dan mubaligh Kristian dalam kegiatan penyebaran agama Islam dan Kristian di Sabah. Fenomena ini mewujudkan respons negatif iaitu ketidakpuasan hati antara penganut agama Islam dan penganut agama Kristian di Sabah (Aemy Elyani et. al, 2024). Perkara ini jelas menimbulkan konflik dan permusuhan antara masyarakat Muslim dan masyarakat Kristian kerana kedua-dua agama di atas mempunyai kepercayaan dan matlamat yang berbeza. Namun terdapat kajian para sarjana yang merumuskan bahawa hubungan antara penganut agama di Sabah berada di tahap yang baik (Ahmad Tarmizi et. al 2014, Abd Hakim et. al 2015, Rafidah et. al 2021).

Pemilihan tempat Sandakan dan Ranau adalah berdasarkan kepada pernyataan Hairol et. al (2020) yang mendakwa konflik yang berlaku dilihat wujud di kawasan bandar berbanding di kawasan luar bandar dan di kawasan golongan berpendapatan rendah. Berdasarkan kenyataan di atas, penulis telah memilih daerah Sandakan sebagai wakil kepada kawasan bandar manakala Ranau sebagai kawasan luar bandar. Dapatan awal menunjukkan terdapat konflik atau ketidakpuasan hati dalam kalangan masyarakat Muslim-Kristian terhadap gerakan Islamisasi dan gerakan Kristianisasi di Sabah, namun terdapat kajian lain yang menunjukkan masih wujud hubungan yang baik antara penganut beza agama di Sabah.

Konflik antara agama yang berlaku dipercayai dipengaruhi oleh tahap kefahaman agama yang rendah terhadap agama lain (Burhanuddin Jalal, 2018). Manakala interaksi sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakat beza agama di Sabah didapati penyumbang kepada elemen toleransi dan persefahaman antara penganut beza agama (Suraya Sintang et. al, 2022). Kesepaduan sosial pula merupakan hasil daripada interaksi aktif dalam kalangan masyarakat beza agama di Sabah (Suraya Sintang et. al. 2019). Oleh itu, fokus artikel ini ialah mengkaji sejauh mana kefahaman agama mempengaruhi hubungan baik antara masyarakat Muslim-Kristian di Sabah, mengenal pasti interaksi sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakat Muslim-Kristian di Sabah serta menilai hubungkait antara interaksi sosial dengan kesepaduan sosial dalam hubungan Muslim-Kristian di Sabah.

Latarbelakang Kajian

Interaksi sosial digambarkan sebagai urutan tindakan sosial yang dinamik dan berubah antara individu atau kumpulan. Tindakan dan tindak balas ini diubah suai berdasarkan tingkah laku rakan interaksi dan menjadikannya sebagai satu proses timbal balik (Heatherton, Anne T. & Walcott, Vivian A., 2009). Sarah Susanna Hoppler et. al (2022) menyenaraikan enam elemen dalam sebuah interaksi sosial iaitu pelaku (*actors*), pasangan (*partner*), hubungan (*relation*), aktiviti (*activities*), konteks (*context*) dan pembaharuan (*evaluation*). Saidatul Nornis (2008) mendefinisikan interaksi sosial sebagai satu jaringan hubungan antara dua orang atau lebih atau dua golongan atau lebih yang menjadi syarat penting bagi kehidupan bermasyarakat. Secara umumnya, interaksi sosial boleh difahami dengan interaksi antara dua pihak (orang atau kumpulan) yang menghasilkan satu proses timbal balik yang saling mempengaruhi antara satu dengan yang lain.

Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan teori interaksi sosial oleh Georg Simmel dalam esainya "*The Stranger*". Penulisan esei oleh Simmel (1908) ini bertujuan untuk membincangkan bagaimana orang asing "*The Stranger*" berinteraksi dengan sesebuah komuniti yang asing dengan dirinya. Simmel menyatakan bahawa orang asing (*stranger*) memiliki dua elemen iaitu kedekatan (*nearness*) dan kejauhan (*remoteness*). Orang asing ini mempunyai elemen kedekatan kerana dia berada dalam sesebuah komuniti tersebut dan orang asing ini mempunyai elemen kejauhan kerana orang asing itu tidak mempunyai ikatan dengan komuniti tersebut. Kedekatan dan kejauhan yang dicirikan oleh Simmel bukanlah berasaskan kepada ruang atau jarak, tetapi kepada ciri-ciri yang dinisbahkan pada orang asing terhadap sesebuah komuniti yang berbeza darinya.

Dari segi kejauhan (*remoteness*), Simmel membincangkan orang asing ini tidak terikat dengan nilai dan kecenderungan unik sesebuah kumpulan, akan tetapi mendekati sesebuah komuniti tersebut dengan sikap objektif. Simmel memberikan contoh seperti bandar Itali sering melantik hakim dari luar kerana penduduk tempatan terikat dengan keluarga dan kepentingan politik. Ini bertujuan untuk memastikan keputusan yang dihasilkan tidak dipengaruhi oleh sebarang persepsi dan bebas daripada kepentingan peribadi. Manakala dari segi kedekatan pula, kedekatan yang dimiliki bukanlah bermaksud kebergantungan kerana kedekatan tersebut boleh dikongsi oleh semua orang. Oleh itu, hubungan antara orang asing dengan komuniti adalah bersyarat dan tiada daya pengikat yang unik seperti kebergantungan.

Akhir sekali, Simmel menyatakan bahawa orang asing ini tetap dianggap dalam ahli kumpulan atau komuniti, akan tetapi bukanlah secara organik. Orang asing ini wujud dalam kehidupan sosial sesebuah komuniti, tetapi kedudukannya dibentuk dan berdasarkan kepada campuran elemen kejauhan dan kedekatan yang terdapat pada orang asing tersebut. Ini menunjukkan bahawa orang asing tadi mempunyai satu bentuk interaksi yang tersendiri terhadap sesebuah komuniti dan kumpulan lain.

Sekiranya diteliti dengan mendalam esei "*The Stranger*" oleh Simmel (1908), maka kita akan mendapati bahawa esei ini menunjukan kepada individu terhadap kepada sesebuah kumpulan. Namun begitu, pengkaji mendapati bahawa kajian ini juga sesuai untuk mengkaji interaksi antara sesebuah kumpulan dengan kumpulan yang berbeza. Ini boleh dilihat melalui kajian para sarjana lain seperti kajian terhadap masyarakat Muslim dengan masyarakat Eropah Barat oleh Jocelyne Cesari (2021) yang bertajuk "*The Muslim Stranger: The Combined Effect of Xenophobia and Islamophobia*" dan kajian terhadap *African Americans* dengan *European American society* oleh Sarah Demetris Turner (2002) yang bertajuk "*African Americans' Experiences Of Estrangement And Alienation: A Comparative Analysis Of Georg Simmel's Essay 'The Stranger'*". Kajian di atas merupakan kajian yang berasaskan kepada teori Georg Simmel (1908) dan merupakan kajian antara sebuah kumpulan masyarakat dengan kumpulan masyarakat yang lain.

Selain itu, pemilihan Muslim dan Kristian di Sabah sebagai subjek yang ingin dikaji ialah berdasarkan kepada penulisan "*A historical sketch of sociology theory: The early years*, Anon 2017" dan "*The Heritage of Sociology*, Morris Janowitz 1971" yang merupakan respons terhadap esei "*The Strangers*":

"Simmel was best known for his work on smaller-scale issues, especially individual action and interaction. He became famous early for his thinking, derived from Kantian philosophy, on forms of interaction (e.g., conflict) and types of interactants (e.g., the stranger). (Anon, 2017)

"In the case of the person who is a stranger to the country, the city, the race, etc., however, this non-common element is once more nothing individual, but merely the strangeness of origin, which is or could be common to many strangers. For this reason, strangers are not really conceived as individuals, but as strangers of a particular type." (Morris Janowitz, 1971)

Berdasarkan pemerhatian di atas, dapat difahami bahawa istilah orang asing (*strangers*) merupakan salah satu daripada *types of interactants*. Ini bermaksud teori itu bukan sahaja sesuai dijalankan antara individu dengan sesebuah kumpulan, namun juga sesuai dengan kajian yang melibatkan antara individu dengan individu, individu dengan kumpulan, dan kumpulan dan kumpulan. Oleh itu, teori interaksi sosial yang diperkenalkan oleh Simmel dalam esainya "*The Strangers*" boleh digunakan dalam mengkaji hubungan antara Muslim-Kristian di Sabah. Justeru, dua komuniti yang berbeza agama boleh menjadi *types of interactants* dalam menggambarkan hubungan sosial antara kepelbagaian agama dalam sesebuah komuniti.

Kesepaduan sosial pula boleh digambarkan sebagai kunci yang menghubungkan anggota masyarakat melalui ikatan perpaduan dan kepercayaan, baik di dalam dan di seluruh

komuniti dan organisasi (Samuel MacIsaac et. al 2023). Ia melibatkan keterkaitan sosial dan keupayaan masyarakat untuk berfungsi dengan berkesan dan menyokong kehidupan yang bermanfaat. Kaddouri & Hamid (2010) mendefinisikan kesepaduan sosial sebagai proses berterusan yang memberi tumpuan kepada mewujudkan objektif dan nilai bersama sambil menawarkan peluang yang sama untuk semua ahli komuniti. Proses ini dibina atas kepercayaan, harapan, dan timbal balik antara individu. Khoo & Siew-Ean (2007) pula mentakrifkan kesepaduan sosial sebagai saling bergantung antara anggota masyarakat, kesetiaan bersama, dan perpaduan. Ianya mencerminkan kekuatan hubungan sosial, nilai bersama, dan rasa identiti bersama dan kepunyaan komuniti yang sama.

Teori kesepaduan sosial oleh Jenson (1998), menyatakan bahawa kesepaduan sosial akan wujud apabila terdapatnya lima dimensi dalam hubungan sosial masyarakat. Dimensi itu ialah kekitaan, penyertaan, keterangkuman, pengiktirafan dan legitimasi. Kelima-lima dimensi di atas merupakan dimensi yang berlawanan dengan dimensi ketidaksepaduan iaitu pengasingan, ketidaklibatan, pengecualian, penolakan dan ketidaklegitiman. Berikut merupakan penerangan di bawah: (Yitzhak Berman & David Philips, 2004)

1. Kekitaan – Pengasingan: merujuk kepada nilai bersama, identiti, dan perasaan komitmen.
2. Keterangkuman – Pengecualian: berkaitan dengan peluang akses yang sama rata.
3. Penyertaan – Ketidaklibatan.
4. Pengiktirafan – Penolakan: merujuk kepada isu penghormatan dan toleransi terhadap perbezaan dalam masyarakat majmuk.
5. Legitimasi – Ketidaklegitiman: berkaitan dengan institusi.

Peace et. al (2005), telah membahagikan dimensi kesepaduan sosial Jenson kepada dua bahagian bagi mengukuhkan teori tersebut iaitu:

1. *Elements of socially cohesive behaviour* - Perasaan kekitaan dan penyertaan.
2. *Conditions for socially cohesive community* - Keterangkuman, pengiktirafan dan legitimasi.

Peace et. al (2005) mengatakan kedua-dua bahagian di atas perlu dipenuhi dalam mencapai kesepaduan sosial. Sebuah komuniti yang mempunyai “*elements of socially cohesive behaviour*” akan menunjukkan perasaan kekitaan yang tinggi terhadap komuniti. Selain itu, komuniti itu juga akan mempunyai penyertaan bersama dengan komuniti lain sama ada dalam aspek sosial, pendidikan dan ekonomi. Manakala, sebuah komuniti yang mempunyai “*conditions for socially cohesive community*” akan menunjukkan toleransi yang tinggi dalam komuniti tersebut serta mengurangkan diskriminasi terhadap komuniti yang lain. (Sharial, 2019).

Hubungan antara Muslim-Kristian di Sabah secara khusus masih kurang dibincangkan oleh para sarjana, namun gambaran secara umum mengenai hubungan antara agama di Sabah boleh dilihat melalui kajian-kajian lepas. Kajian-kajian lepas menunjukkan hubungan antara agama di Sabah secara umum ialah dalam keadaan positif dan baik (Ahmad Tarmizi et. al 2014, Abd Hakim et. al 2015, Rafidah et. al 2021). Hubungan baik antara agama ini ialah disebabkan

oleh beberapa faktor seperti perkahwinan campur beza agama dan etnik (Siti Aidah et. al 2022, Budi Anto & Saidatul Nornis 2020, Suraya Sintang et. al 2022, Nur Azian & Nur Farhana 2022). Masyarakat Sabah menerima amalan perkahwinan campur dalam kehidupan bermasyarakat mereka sehingga berlakunya hubungan baik antara masyarakat beza agama. Antara indikator-indikator lain yang mempengaruhi hubungan baik antara agama dalam masyarakat Sabah ialah tradisi jual beli di tamu (Budi Anto:2020:100), perkongsian kawasan kediaman dan penempatan (Nur Azian & Nur Farhana:2022:189), aktiviti libat sama masyarakat (Suraya Sintang et. al:2022:196) dan lain-lain. Namun begitu, penulis berpendapat bahawa perkahwinan campur beza agama ini merupakan faktor terbesar dalam menyumbang hubungan baik antara agama di Sabah kerana hubungan kekeluargaan yang dibina dipengaruhi oleh sentimen emosi yang mendalam.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan metode kuantitatif yang melibatkan kaedah tinjauan mengenai pengetahuan agama, interaksi sosial dan kesepaduan sosial dalam hubungan Muslim-Kristian di Sandakan dan Ranau, Sabah. Melalui metode kuantitatif, sebanyak 500 soal selidik diedarkan secara rawak mudah kepada responden Muslim-Kristian di Sandakan dan Ranau, Sabah. Tujuan utama penggunaan pensampelan rawak adalah untuk memastikan bahawa setiap individu dalam populasi sasaran mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai responden. Ini membolehkan kajian menghasilkan data yang mewakili keseluruhan populasi dengan lebih baik di samping mengurangkan bias dan meningkatkan kebolehpercayaan dapatan kajian. Kajian ini dilakukan dari bulan November 2023 sehingga Januari 2024.

Instrumen soal selidik ini mengandungi empat bahagian utama iaitu bahagian A yang terdiri daripada profil demografi iaitu jantina, umur, pekerjaan, agama, tempat, dan tahap pendidikan. Bahagian B ialah pengetahuan agama yang terdiri daripada lapan item berdasarkan kepada tiga elemen utama iaitu konsep ketuhanan, amalan keagamaan dan nilai-nilai moral dalam agama. Bahagian C terdiri daripada 14 item yang berkaitan dengan interaksi sosial. Dalam bahagian ini, penulis membahagikan interaksi sosial kepada empat bahagian utama iaitu pemakanan, aktiviti kemasyarakatan, sambutan perayaan dan aktiviti ziarah-menziarahi. Akhir sekali bahagian D yang terdiri daripada 10 item berkaitan kesepaduan sosial yang mengandungi elemen perasaan kekitaan, keterangkuman, penyertaan, pengiktirafan dan legitimasi.

Instrumen soal selidik ini mengandungi empat bahagian utama iaitu bahagian A diletakkan sebagai profil demografi adalah bertujuan untuk mengumpul maklumat latar belakang responden. Dalam bahagian ini, pengkaji mengemukakan sebanyak 7 soalan iaitu dari segi jantina, umur, pekerjaan, agama, tempat, tahap pendidikan dan pengetahuan agama. Bahagian B berdasarkan objektif pertama pengkaji iaitu mengkaji sejauh mana pengetahuan agama mempengaruhi hubungan Muslim Kristian di Sandakan dan Ranau, Sabah. Soalan yang terdapat dalam bahagian ini mengandungi sebanyak lapan item yang merangkumi soalan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan agama responden. Lapan item tersebut dibahagikan kepada tiga elemen utama iaitu konsep ketuhanan, amalan keagamaan, dan nilai-nilai moral dalam agama. Setiap item 50 yang dikemukakan dijawab oleh responden berdasarkan kepada pengetahuan mereka tentang agama. Bahagian C terdiri daripada 14 item yang berkaitan dengan

interaksi sosial. Dalam bahagian ini, penulis membahagikan interaksi sosial kepada empat bahagian utama iaitu pemakanan, aktiviti kemasyarakatan, sambutan perayaan dan aktiviti ziarah-menziarahi. Akhir sekali bahagian D mengandungi 10 item soalan selidik iaitu implikasi interaksi tersebut terhadap hubungan Muslim-Kristian di Sandakan dan Ranau, Sabah. 10 item tersebut dibahagikan kepada lima elemen iaitu perasaan kekitaan, keterangkuman, penyertaan, pengiktirafan dan legitimasi. Setiap item yang dikemukakan dijawab oleh responden berdasarkan pengetahuan dan pengalaman mereka..

Skala Likert digunakan yang terdiri daripada empat peringkat dengan nilai dari 1 hingga 4 iaitu 1 (Sangat tidak setuju), 2 (Tidak setuju), 3 (Setuju) dan 4 (Sangat setuju). Kemudian penulis juga menjalankan kajian rintis untuk memastikan kebolehpercayaan kajian. Kajian rintis ini menggunakan Skor Cronbach Alpha. Hasil kajian rintis bagi kebolehpercayaan (*reliability*) instrumen kajian ini menunjukkan bahawa nilai julat berada pada antara 0.8 – 1.0 iaitu pada tahap sangat baik.

Bagi penganalisan data, penulis menggunakan analisis deskriptif bagi mendapatkan kekerapan, peratusan dan nilai min. Selain itu, penulis juga melakukan ujian normaliti data (Skewness, Kurtosis, Kolmogorov-Smirnov dan Shapiro Wilks) untuk mengetahui data bertabur secara normal atau tidak normal. Dapatan menunjukkan bahawa data bertabur secara tidak normal (nilai Skewness dan Kurtosis bagi ketiga-tiga bahagian di atas kecuali Kurtosis pengetahuan agama tidak berada dalam nilai ± 2.0 serta nilai Kolmogorov-Smirnov dan Shapiro Wilks bagi ketiga-tiga bahagian di atas ialah di bawah $p < 0.05$). Oleh itu, pengukuran skala yang digunakan oleh penulis ialah ujian Korelasi Spearman-rho dalam mengenal pasti perhubungan antara dua variabel yang menggunakan skala ordinal sebagai skala perbandingan bagi tujuan skala pengukuran. Akhir sekali, penulis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) Version 27.0* untuk menganalisis data-data yang diperoleh dan dianalisis secara deskriptif.

Kajian ini memfokuskan kepada dua daerah yang terdapat di Sabah. Daerah yang pertama ialah daerah Sandakan, manakala daerah yang kedua ialah daerah Ranau. Pengkaji memilih dua lokasi kejadian kerana terdapat dua perbezaan utama daerah tersebut. Perbezaan tersebut ialah berdasarkan kepada perbezaan kedudukan geografi dan perbezaan komposisi Muslim-Kristian di kawasan tersebut. Berikut merupakan perincian terhadap daerah-daerah yang dipilih oleh pengkaji.

Keluasan daerah Sandakan adalah 2,266 kilometer persegi. Bancian pada tahun 2020 menunjukkan jumlah penduduk lelaki di Sandakan ialah 226 049 orang (51.5%) berbanding wanita 213 001 orang (48.5%). Agama yang paling banyak dianuti di Sandakan ialah agama Islam iaitu sebanyak 80.4%, diikuti dengan Buddha (9.8%), Kristian (8.9%), Ateis (0.6%), Hindu (0.1%) dan lain-lain (0.2%). Manakala dari segi kewarganegaraan pula, warga tempatan sebanyak 67.9% manakala warga asing ialah 32.1%. Selain itu, dari segi etnik didahului dengan etnik bumiputera iaitu (80.2%), diikuti dengan Cina (17.7%), India (0.3%) dan lain-lain (1.8%). Seterusnya dari segi peringkat umur pula didahului dengan orang yang bekerja sebanyak (66.8%), kanak-kanak (29.9%) dan warga emas (3.3%). Dari segi perkahwinan pula didahului dengan orang yang sudah berkahwin iaitu (52.4%), tidak pernah berkahwin (42.9%), janda (3.1%) dan bercerai (1.7%).

Keluasan daerah Ranau adalah 3,622 kilometer persegi. Ranau dikelilingi oleh tujuh buah daerah iaitu Tambunan, Tuaran, Telupid, Tongod, Kota Marudu, Kota Belud dan Beluran.

Bancian pada tahun 2020 menunjukkan jumlah penduduk lelaki di Ranau ialah 44 006 orang (51.7%) berbanding wanita 41 071 orang (48.3%). Agama yang paling banyak dianuti di Ranau ialah agama Kristian iaitu sebanyak 80.4%, diikuti dengan Islam (45.3.8%), Buddha (0.8%), Ateis (0.0%), dan lain-lain (0.0%). Manakala dari segi kewarganegaraan pula, didahului dengan warga tempatan sebanyak 93.6% manakala warga asing ialah 6.4%. Selain itu, dari segi etnik didahului dengan etnik bumiputera iaitu (98.8.7%), diikuti dengan Cina (0.9%), India (0.0%) dan lain-lain (0.0%). Seterusnya dari segi peringkat umur pula didahului dengan orang yang bekerja 56 sebanyak (68.5%), kanak-kanak (27.8%) dan warga emas (3.7%). Dari segi perkahwinan pula didahului dengan orang yang sudah berkahwin iaitu (55.2%), tidak pernah berkahwin (41.1%), janda (2.8%) dan bercerai (0.9%).

Hasil Dapatan Kajian

Jadual 1 menunjukkan demografi responden iaitu jantina, umur, pekerjaan, agama, tempat, pendidikan tertinggi dan sumber pengetahuan agama lain. Hasil dapatan menunjukkan jumlah responden dalam kalangan perempuan mempunyai jumlah tertinggi iaitu sebanyak 280 orang bersamaan dengan 56 % diikuti dengan responden dalam kalangan lelaki ialah sebanyak 220 orang bersamaan 44 %. Bagi demografi umur responden jumlah responden dalam lingkungan umur 12-12 tahun ialah sebanyak 3 orang (0.6%), diikuti dengan lingkungan umur 17-25 tahun iaitu sebanyak 237 orang (47.4%). Seterusnya, responden dalam lingkungan umur 26-40 tahun ialah sebanyak 177 orang (35.4%) diikuti dengan responden dalam lingkungan 41-50 tahun iaitu sebanyak 62 orang (12.4%). Akhir sekali, responden dalam lingkungan umur 50 tahun ke atas ialah sebanyak 21 orang (4.2%). Bagi demografi pekerjaan responden, jumlah responden dalam sektor swasta mempunyai jumlah tertinggi iaitu sebanyak 185 orang bersamaan dengan 37 % diikuti dengan sektor kerajaan iaitu sebanyak 120 orang bersamaan dengan 24 %. Ketiga ialah lain-lain iaitu sebanyak 109 orang bersamaan dengan 21.8 % dan akhir sekali ialah bekerja secara sendiri iaitu sebanyak 86 orang bersamaan dengan 17.2 %.

Bagi demografi agama, responden beragama Islam mempunyai jumlah teramai iaitu 330 orang bersamaan dengan 66 % diikuti dengan responden yang beragama Kristian iaitu sebanyak 170 orang bersamaan dengan 44%. Bagi demografi tempat tinggal, responden yang tinggal di daerah Sandakan mempunyai jumlah tertinggi iaitu sebanyak 285 orang bersamaan dengan 57 % diikuti dengan responden yang tinggal di daerah Ranau iaitu sebanyak 215 orang bersamaan dengan 43%. Bagi demografi pendidikan tertinggi responden, dapatan menunjukkan responden yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda mempunyai skor tertinggi iaitu 38.2 % bersamaan 191 orang, dan diikuti dengan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) iaitu 145 orang bersamaan dengan 29 %. Seterusnya Diploma iaitu sebanyak 83 orang bersamaan dengan 16.6 % diikuti dengan Sijil Tinggi Peperiksaan Malaysia (STPM) iaitu sebanyak 44 orang bersamaan dengan 8.8 %. Seterusnya Ujian Pelajaran Sekolah Rendah (UPSR) iaitu sebanyak 13 orang bersamaan dengan 2.6 % diikuti dengan Ijazah Sarjana iaitu sebanyak 9 orang bersamaan dengan 1.8 %. Seterusnya, Sijil berjumlah 4 orang bersamaan dengan 0.8 % diikuti dengan Doktor Falsafah (PHD) berjumlah 3 orang bersamaan dengan 0.6 %. Akhir sekali Sijil Rendah Pelajaran (SRP), Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3), Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR) iaitu masing-masing sebanyak 2 orang bersamaan dengan 0.4 %.

Jadual 1 Demografi Profil Responden

Jantina	Kekerapan (Orang)	Peratusan (%)
Lelaki	220	44
Perempuan	280	56
Umur		
12 – 13	3	0.6
17 – 25	237	47.4
26 – 40	177	35.4
41 -50	62	12.4
50 ke atas	21	4.2
Pekerjaan		
Kerajaan	120	24
Swasta	185	37
Sendiri	86	17.2
Lain-Lain	109	21.8
Agama		
Islam	330	66
Kristian	170	34
Tempat		
Sandakan	285	57
Ranau	215	43
Pendidikan Tertinggi		
IJAZAH	191	38.2
SPM	145	29
DIPLOMA	83	16.6
STPM	44	8.8
UPSR	13	2.6
MASTER	9	1.8
SIJIL	4	0.8
PHD	3	0.6
PT3	2	0.4
PMR	2	0.4
SRP	2	0.4
SKM	2	0.4
Jumlah keseluruhan	500	100%

Sumber: Soal Selidik 2023

Adapun bagi pengetahuan agama, terdapat lapan item di mana masing-masing berada dalam nilai interpretasi skor min antara 3.64 sehingga 3.75. Manakala nilai interpretasi skor min akhir bagi kelapan-lapan item bagi responden Muslim-Kristian berada dalam tahap yang tinggi iaitu 3.71. Ini menunjukkan bahawa responden Muslim-Kristian mempunyai pengetahuan agama yang tinggi terhadap agama masing-masing.

Dapatan ini memberikan gambaran bahawa masyarakat Muslim-Kristian berpegang teguh kepada amalan dan kepercayaan agama masing-masing. Buktinya, mereka bukan sahaja mengetahui dan memahami kehendak agama, akan tetapi mengamalkan pengetahuan agama dalam diri mereka. Pengetahuan mereka terhadap agama telah menyebabkan mereka bergaul dengan masyarakat beza agama dengan baik seperti yang dinyatakan pada item B7 dan B8. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa pengetahuan agama merupakan antara salah satu faktor yang menyumbang kepada hubungan baik beza agama termasuklah masyarakat Muslim-Kristian di Sandakan dan Ranau, Sabah.

Jadual 2 Taburan Kekerapan, Peratusan, Nilai Min Responden Bagi Pengetahuan Agama Muslim-Kristian Di Sandakan Dan Ranau, Sabah

No.	Pernyataan	TT	KT	T	ST	MIN
B1	Saya tahu konsep ketuhanan dalam agama saya	1 0.2%	10 2.0%	131 26.2%	358 71.6%	3.69
B2	Saya tahu amalan keagamaan dalam agama saya	0 0.0%	10 2.0%	159 31.8%	331 66.2%	3.64
B3	Saya tahu nilai-nilai moral dalam agama	2 0.4%	4 0.8%	113 22.6%	381 76.2%	3.75
B4	Saya tahu konsep ketuhanan dalam agama saya mendorong saya untuk sentiasa melakukan kebaikan	2 0.4%	2 0.4%	125 25.0%	371 74.2%	3.73
B5	Saya tahu konsep ketuhanan dalam agama saya mendorong saya untuk meninggalkan perbuatan keji	3 0.6%	7 1.4%	96 19.2%	394 78.8%	3.76
B6	Saya tahu amalan keagamaan dalam agama saya mempengaruhi akhlak/moral saya	0 0.0%	3 0.6%	132 26.4%	365 73.0%	3.72
B7	Saya tahu ajaran kepercayaan kepada tuhan menjadikan pergaulan saya baik dengan individu beza agama	3 0.6%	6 1.2%	126 25.2%	365 73.0%	3.71
B8	Saya tahu ajaran kepercayaan kepada tuhan dapat membina hubungan yang baik dengan individu walaupun berbeza agama	1 0.2%	3 0.6%	153 30.6%	343 68.6%	3.68
Jumlah		100%	100%	100%	100%	3.71

Sumber: Soal Selidik 2023

Seterusnya penulis membincangkan pola interaksi sosial Muslim-Kristian di Sandakan dan Ranau, Sabah mengikut pecahan tema. Tema-tema tersebut adalah pemakanan, aktiviti kemasyarakatan, sambutan perayaan, ziarah menziarahi dan perkahwinan. Jadual 3 menunjukkan jumlah skor min interaksi sosial mengikut tema:

Jadual 3 Analisis Interaksi Sosial Mengikut Tema

Perkara	Soalan	Min	Jumlah
Pemakanan	C1	3.61	9.39
	C2	2.98	
	C3	2.80	
Aktiviti Kemasyarakatan	C4	3.74	11.10
	C5	3.70	
	C6	3.66	
Sambutan Perayaan	C7	3.15	9.58
	C8	3.21	
	C9	3.22	
Aktiviti Ziarah Menziarahi	C10	3.69	11.01
	C11	3.79	
	C12	3.53	
Perkahwinan	C13	2.52	5.1
	C14	2.58	

Sumber: Soal Selidik 2023

Berdasarkan jadual 3 di atas menunjukkan bahawa min tertinggi adalah aktiviti kemasyarakatan iaitu sebanyak 11.10 diikuti dengan aktiviti ziarah menziarahi iaitu sebanyak 11.01. Seterusnya bahagian sambutan perayaan iaitu sebanyak 9.58 diikuti dengan bahagian pemakanan iaitu sebanyak 9.39. Akhir sekali, min terendah ialah bahagian perkahwinan iaitu sebanyak 5.

Adapun jadual 4 berkaitan kesepaduan sosial mengikut tema yang dikategorikan kepada lima tema iaitu perasaan kekitaan, penyertaan, keterangkuman, pengiktirafan dan legitimasi. Jadual tersebut menunjukkan skor min bagi tema-tema yang dinyatakan.

Jadual 4 Kesepaduan Sosial Mengikut Tema

Perkara	Soalan	Min	Jumlah
Perasaan Kekitaan	D1	3.64	7.16
	D2	3.52	
Penyertaan	D3	3.69	7.31
	D4	3.62	
Keterangkuman	D5	3.62	7.28
	D6	3.66	
Pengiktirafan	D7	3.76	7.40
	D8	3.64	
Legitimasi	D9	3.57	7.23
	D10	3.66	

Sumber: Soal Selidik 2023

Berdasarkan hasil analisis kajian di atas menunjukkan bahwa min tertinggi adalah dalam elemen pengiktirafan iaitu sebanyak 7.40 diikuti dengan elemen penyertaan iaitu sebanyak 7.31. Seterusnya, elemen keterangkuman iaitu dengan jumlah min sebanyak 7.28 diikuti dengan elemen legitimasi iaitu sebanyak 7.23. Akhir sekali, min terendah adalah perasaan kekitaan iaitu sebanyak 7.16.

Jadual 5 Analisis Korelasi Spearman-Rho

Perkaitan Antara Pemboleh Ubah				
Variabel		Pengetahuan Agama	Interaksi Sosial	Kesepaduan Sosial
Pengetahuan Agama	R	1.00	.190**	.401**
	P	-	.001	.001
Interaksi Sosial	R	.190**	1.00	.604**
	P	.001	-	.001
Kesepaduan Sosial	R	.401**	.604**	1.00
	P	.001	.001	-

* $p < 0.05$; N=500

Sumber: Soal Selidik 2023

Hasil analisis korelasi Spearman-Rho bagi pengetahuan agama terhadap interaksi sosial dan kesepaduan sosial mempunyai perkaitan yang signifikan iaitu masing-masing dengan nilai ($r = .190$, $p = .001$) dan ($r = .401$, $p = .001$). Namun begitu, nilai pekali r bagi interaksi sosial adalah .190 sementara nilai pekali r bagi kesepaduan sosial ialah .401.

Seterusnya, hasil analisis korelasi Spearman-Rho bagi interaksi sosial terhadap pengetahuan agama dan kesepaduan sosial mempunyai perkaitan yang signifikan iaitu masing-masing dengan nilai ($r = .190$, $p = .001$) dan ($r = .604$, $p = .001$). Namun begitu, nilai pekali r bagi pengetahuan agama adalah .190 manakala nilai pekali r bagi kesepaduan sosial ialah .604. Akhir sekali, hasil analisis korelasi Spearman-Rho bagi kesepaduan sosial terhadap pengetahuan agama dan interaksi sosial mempunyai perkaitan yang signifikan iaitu masing-masing dengan nilai ($r = .401$, $p = .001$) dan ($r = .604$, $p = .001$). Namun begitu, nilai pekali r bagi pengetahuan agama adalah .401 manakala nilai pekali r bagi interaksi sosial ialah .604. Berikut merupakan kesimpulan yang dapat dirumuskan untuk setiap pemboleh ubah berdasarkan pengetahuan agama, interaksi sosial dan kesepaduan sosial.

Pengetahuan Agama

1. Terdapat hubungan yang signifikan terhadap pemboleh ubah interaksi sosial dan kesepaduan sosial.
2. Hubungan pekali (r) bagi interaksi sosial adalah sangat lemah, manakala hubungan pekali (r) bagi kesepaduan sosial adalah lemah.

Interaksi Sosial

1. Terdapat hubungan yang signifikan terhadap pemboleh ubah pengetahuan agama dan kesepaduan sosial.
2. Hubungan pekali (r) bagi pengetahuan agama adalah sangat lemah, manakala hubungan pekali (r) bagi kesepaduan sosial adalah sederhana.

Kesepaduan Sosial

1. Terdapat hubungan yang signifikan terhadap pemboleh ubah pengetahuan agama dan interaksi sosial.
2. Hubungan pekali (r) bagi pengetahuan agama adalah lemah, manakala hubungan pekali (r) bagi kesepaduan sosial adalah sederhana.

Perbincangan

Nilai pekali korelasi bagi hubungan antara pengetahuan agama dengan interaksi sosial ialah $r = .190$ yang tergolong dalam kategori sangat lemah. Ini menunjukkan walaupun terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan agama dan interaksi sosial namun pada tahap yang rendah. Ini bererti pengetahuan agama mempunyai pengaruhi yang sedikit dalam melestarikan interaksi sosial individu atau kumpulan. Pola ini menunjukkan bahawa kemungkinan terdapatnya faktor lain yang mempengaruhi interaksi sosial masyarakat Muslim-Kristian di Sabah. Ini selari dengan dapatan kajian Budi Anto (2020) bahawa agama tidak begitu mempengaruhi interaksi dan toleransi etnik di Sabah.

Selain itu, nilai pekali korelasi antara interaksi sosial dan kesepaduan sosial berada pada tahap sederhana dengan nilai skor ialah $r = .604$. Ini menunjukkan terdapat hubungan antara interaksi sosial dan kesepaduan sosial walaupun pada tahap sederhana. Hubungan yang sederhana ini menunjukkan bahawa individu atau kumpulan yang lebih aktif dalam berinteraksi mempunyai peluang untuk lebih rapat dengan individu atau komuniti lain dalam usaha untuk mencapai tahap kesepaduan sosial yang lebih tinggi. Interaksi yang kerap boleh membina kesefahaman, rasa kekitaan, dan semangat kejiranan beza agama yang membawa kepada kesepaduan sosial. Ini selari dengan dapatan kajian Khairul Azhar Meerangi et. al (2020) bahawa pembinaan persefahaman melalui interaksi (saling berkenalan berkongsi maklumat berhubung latar belakang kaum dan bangsa) mampu mewujudkan hubungan yang lebih erat dan padu serta tidak dibayangi oleh sebarang prasangka negatif. Oleh itu dapat dirumuskan bahawa, prasyarat kepada kesepaduan sosial yang tinggi ialah interaksi sosial yang tinggi dalam kalangan masyarakat Muslim-Kristian di Sabah.

Berdasarkan kepada jadual 1.3 di atas menunjukkan responden Muslim-Kristian di Sandakan dan Ranau lebih terbuka dan menerima dalam bahagian aktiviti kemasyarakatan dan aktiviti ziarah menziarahi. Ini menunjukkan bahawa aktiviti kemasyarakatan dan ziarah menziarahi merupakan interaksi yang biasa berlaku dalam kalangan masyarakat Muslim-Kristian di Sabah. Perkara ini selaras dengan dapatan kajian Suraya Sintang et. al (2019) bahawa elemen kesepaduan antara anggota masyarakat pelbagai agama dan etnik ialah melibatkan aktiviti seharian di kawasan kejiranan yang tinggal di sebelah rumah. Siti Aidah et.

al (2021) juga menyatakan bahawa hubungan baik bukan setakat di tempat kerja malah melibatkan aktiviti di luar tempat kerja seperti makan bersama, ziarah-menziarahi rakan yang ditimpa musibah dan meraikan perayaan pelbagai etnik. Justeru, dapat dikatakan bahawa interaksi yang melibatkan aktiviti kemasyarakatan dan aktiviti ziarah menziarahi menyumbang kepada hubungan baik masyarakat Muslim-Kristian di Sabah.

Seterusnya, responden Muslim-Kristian di Sandakan dan Ranau juga terbuka dalam bahagian pemakanan serta sambutan perayaan dan berada dalam peringkat pertengahan. Walaupun dalam peringkat pertengahan, interpretasi skor min bagi kedua-dua bahagian di atas berada dalam tahap tinggi. Perkara ini menunjukkan masyarakat Muslim-Kristian di Sabah mengamalkan interaksi yang melibatkan sambutan perayaan serta pemakanan secara bersama-sama walaupun berbeza agama dan budaya. Dapatan ini selari dengan dapatan Suraya Sintang et. al (2024:302) bahawa sambutan perayaan bersama merupakan satu situasi yang dilazimi dalam masyarakat Sabah tanpa mengira agama. Bahkan, penglibatan masyarakat Sabah beza agama dalam aktiviti seharian yang melibatkan makan bersama dan aktiviti sosial lainnya menunjukkan kesediaan pelbagai etnik di Sabah untuk saling bekerjasama dan menepati konsep kesepaduan sosial (Siti Aidah et. al: 2022:192). Ini membuktikan bahawa interaksi yang melibatkan sambutan perayaan dan pemakanan diterima oleh masyarakat Muslim-Kristian di Sabah sebagai satu medium untuk mencapai hidup yang aman dan harmoni walaupun berbeza agama dan budaya.

Akhir sekali, interpretasi skor min responden Muslim-Kristian di Sandakan dan Ranau dalam bab perkahwinan berada pada skor sederhana. Walaupun dapatan kajian menunjukkan ianya berada dalam tahap sederhana, namun secara umumnya masyarakat Muslim-Kristian masih menerima bab perkahwinan sebagai satu bentuk interaksi yang berlaku dalam kalangan masyarakat beza agama di Sabah. Perkara ini boleh dilihat melalui hasil dapatan kajian yang terdahulu (Siti Aidah et. al 2022, Budi Anto & Saidatul Nornis 2020, Suraya Sintang et. al 2022, Nur Azian & Nur Farhana 2022) bahawa perkahwinan campur merupakan salah satu faktor kepada hubungan baik yang berlaku dalam hubungan masyarakat beza agama di Sabah. Oleh itu, tidak dapat dinafikan bahawa perkahwinan merupakan salah satu bentuk interaksi yang berlaku dalam hubungan Muslim-Kristian di Sabah walaupun berada dalam tahap sederhana.

Jadual 1. 4 menunjukkan bahawa kelima-lima elemen dalam skor min yang baik iaitu atas 3.00 bagi setiap tema atau elemen. Dapatan menunjukkan bahawa kelima-lima elemen kesepaduan sosial yang dinyatakan oleh Jenson (1998) telah dipenuhi oleh responden Muslim-Kristian di Sandakan dan Ranau, Sabah. Ini membuktikan bahawa responden Muslim-Kristian di Sandakan dan Ranau, Sabah mempunyai kesepaduan sosial yang baik dan menolak elemen ketidaksepaduan sosial dalam kalangan masyarakat beza agama di Sabah. Dapatan ini selari dengan hasil dapatan kajian Suraya Sintang et. al (2022) bahawa kesepaduan sosial dalam hubungan antara agama di Sabah disebabkan oleh interaksi seharian di pelbagai peringkat lapisan masyarakat awam dan menjadi penghubung pihak berbeza agama.

Kesimpulan

Rumusannya, pengetahuan agama hanya mempengaruhi sedikit sahaja dalam hubungan baik yang berlaku dalam kalangan masyarakat Muslim-Kristian di Sabah. Ini disebabkan oleh hubungan yang baik antara masyarakat beza agama di Sabah banyak dipengaruhi oleh interaksi

seharian yang berlaku sama ada berbentuk formal atau tidak formal. Perkara ini boleh dilihat melalui dapatan dalam tema pemakanan, aktiviti kemasyarakatan, sambutan perayaan dan aktiviti ziarah menziarahi berada dalam interpretasi skor min yang tinggi manakala bab perkahwinan berada dalam tahap yang sederhana. Kesepaduan sosial yang terdiri daripada lima elemen iaitu perasaan kekitaan, penyertaan, keterangkuman, pengiktirafan dan legitimasi menunjukkan hasil yang positif dan baik. Kelima-lima elemen tersebut mencapai skor min yang tinggi dan berada dalam tahap yang baik. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa kesepaduan sosial yang berlaku dalam kalangan Muslim Kristian di Sandakan dan Ranau, Sabah banyak dipengaruhi oleh interaksi sosial.

Penghargaan

(Penghargaan atas sokongan Geran Penyelidikan PP-2023-015 Amalan Pengurusan Isu-Isu Keharmonian Beragama dalam Pelaksanaan Matalmat Pembangunan Mampan ke-16: Kajian terhadap Pendekatan Institusi dan Agensi Islam Malaysia & Indonesia)

Rujukan

- Abd Hakim Mohad, Yusten Karulus, Saini Ag Damit, Mohd Sohaimi Esa, Dayu Sansalu, Ros Aiza Mohd Mokhtar, Ahmad Tarmizi Talib & Sarjit S. Gill. 2015. Memahami Sikap Masyarakat Kristian Terhadap Masyarakat Islam Di Sabah: Pasca Isu Larangan Menggunakan Kalimah Allah. *Proceedings of ICIC2015*. hlm. 516-527
- Aemy Elyani Mat Zain, Haslina Ibrahim, Nazneen Ismail, Safinah Ismail, Nur Aisyah Abu Hassan, Fatin Farzana Dass Meral. 2024. Isu Antara Agama: Sorotan Awal Kemerosotan Toleransi Agama Malaysia. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*. 11 (2): 1-14
- Ahmad Tarmizi Talib, Nur Ayuni Mohd Isa, Sarjit S.Gill, Zaid Ahmad, Jayum Jawan & Abd Hakim Mohad. 2014. Persepsi terhadap toleransi sosio-agama di Sabah dan Sarawak. Dlm. *Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik*, hlm. 1–11, disunting oleh Anuar Puteh & Ahmad Irdha Mokhtar. Bangi: Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Pribumi, UKM.
- Anon. 2017. *“A historical sketch of sociology theory: The early years*. SAGE Publications. Hlm. 2-39.
- Budi Anto Mohd Tamring, Saidatul Nornis Hj. Mahali. 2020. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*. 5(10): 95-104.
- Burhanuddin Jalal. 2018. Kepelbagaian Agama, Budaya Perlu Dihormati. Berita Harian Online, 15 Disember: 11.
- Hairol Anuar Mak Din, Nor Azlili Hassan, Azlina Abdullah, Mohd Mahadee Ismail, dan Marzudi MD Yunus. 2020. Hubungan Sosial Rentas Etnik ke Arah Pengukuhan Kesepaduan Sosial di Malaysia. *ISLĀMIYYĀT* 42(Isu Khas): 107 -113
- Jabatan Perangkaan Malaysia*. 2003. 1 November 2023.
- Khairul Azhar Meerangani, Muhammad Ikhlas Rosele Dan Syamsul Azizul Marinsah. 2020. Pendekatan Wasatiyyah dalam Interaksi Inter-Agama di Malaysia. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa*. 31 (2): 19-46.
- Mat Zin Mat Kib. 2003. *Gerakan Kristian di Sabah*. Penerbit: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin, Noor Afifah Athirah Hajimin, Mohd Nur Rachmat Izzuddin Hajimin dan Mohd Nur Hidayah Firdaus Hajimin. 2018. Migrasi Mandur Sharif dan Peranannya dalam Penyebaran Islam terhadap Penduduk Pedalaman Sabah. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara* (Nun). Hlm 379-384.
- Morris Janowitz. 1971. *Georg Simmel On Individuality and Social Forms*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Nur Azian Aratin & Nur Farhana Abdul Rahman. 2022. Kajian Sensitiviti Agama: Tinjauan Awal Di Sabah. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 23(3): 182-200.
- Perlembagaan Persekutuan. 1963. *Undang-Undang Malaysia* (Revised 2006). (Perkara 11).
- Rafidah Binti Ahmad, Noraini Binti Lunchin & Johan Severinus Tati. 2021. Toleransi Agama dan Budaya di Sabah dalam Perspektif Islam. *Journal of General Studies*. hlm. 32-42.
- Saidatul Norhanis Hj. Mahali. 2008. Interaksi Sosial dalam Isun-Isun Bajau. *Akademika* 74, hlm. 59-87.
- Sharial bin Bungsu. 2019. *Interaksi Sosial dan Kesepaduan Sosial Antara Penduduk Tempatan dengan Orang Luar dan Orang Asing di Pulau Labuan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Aidah binti Lukin @ Lokin, Suraya Sintang dan Johan Johnes. 2022. Sejarah Dan Pengalaman Hubungan Etnik Di Sabah: Kesepaduan Dalam Kepelbagaian. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*. 19(6): 183-195.
- Siti Aidah Lukin @ Lokin, Mohd Sohaimi Esa, Abang Mohd Razif Abang Muis, Romzi Ationg, Budi Anto Mohd Tamring, Irma Wani Othman dan Saifulazry Mokhtar. 2021. *International Journal Of Law, Government And Communication*. 6(23): 115-124.
- Suhairullah Bin Omar Ramih, Ambrews Andau, Roslee Bin Talip, dan Muhamad Suhaimi Bin Taat. 2019. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*. 4(8):75-84.
- Suraya Sintang Budi Anto Mohd. Tamring, Nur Farhana Abdul Rahman Siti Aidah Hj. Lukin Halina Sendera Mohd. Yakin. 2019. Kesepaduan Sosial dalam Hubungan antara Agama di Pedalaman Sabah. *Borneo International Journal*. 2(1): 5-15.
- Suraya Sintang, Assis Kamu & Mohd Nazmi Mohd Khalli. 2022. Interaksi Sosial Dalam Hubungan Muslim-Kristian di Kota Kinabalu dan Keningau, Sabah. *Journal Of Malaysian Studies*. Hlm 1-24.
- Suraya Sintang, Assis Kamu dan Mohd Nazmi Mohd Khalli. 2024. Interaksi Sosial Dalam Hubungan Muslim-Kristian Di Kota Kinabalu Dan Keningau, Sabah. *Kajian Malaysia*. 42 (2): 287-312.
- Suraya Sintang, Budi Anto Mohd Tamring, Siti Aidah Hj. Lukin @ Lokin dan Halina Sendera Mohd. Yakin. 2019. Fenomena Agama di Pedalaman Sabah. *Journal of History Department*. 28 (2): 187-199.
- Yasmin Binti Yaccob & Mohd Ibrani Shahrinin Adam Assim. t.th. Kesepaduan Sosial Melalui Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. Hlm. 219-242.
- Yitzhak Berman & David Philips. 2004. Indicators For Social Cohesion. *the European Network on Indicators of Social Quality of the European Foundation on Social Quality, Amsterdam*. Hlm. 1-37.